# Lebih 3,000 dikesan hidap HIV

Kosmo 9/05/2010 m/s 11

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 10.8 kes baru bagi setiap 100,000 penduduk negara ini dikesan menghidap HIV/AIDS bersamaan 3,080 kes yang dilaporkan sehingga 2009.

Itu nisbah terkini kadar penularan HIV/AIDS sejak ia dikesan buat kali pertama pada tahun 1986.




KHAIRUDDIN (kanan) bertukar dokumen dengan Azman sambil diperhatikan oleh Rosnah di Kuala Lumpur semalam.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abd. Rshid Shirlin berkata, sehingga hujung tahun 2009, kes yang telah dilaporkan di negara ini adalah sebanyak 87,710 kes.

"Daripada jumlah itu, 11,855 pesakit atau 13.5 peratus disahkan mati akibat penyakit tersebut," katanya pada Majlis Pelancaran Tabung Pulih Kasih dan Majlis Menandatangani Hak Pengedaran di antara Biosis Group Bhd. (BGB) dan Pharmaniaga Marketing Sdn. Bhd. (PMSB) di Hotel JW Marriot di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi BGB, Dr. Khairuddin Mohamed dan Pengerusi PMSB, Azman Yahya.

Tabung Pulih Kasih ditubuhkan hasil kerjasama BGB, PMSB dan Jasa Bhd., dengan dana RM30,000 bagi membantu golongan penagih.

Jelasnya, angka penularan HIV/AIDS sekarang ini bagaimanapun jauh lebih baik berbanding pada 2002 di mana ketika itu sebanyak 28.5 kes per 100,000 penduduk telah dilaporkan.

"Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik Nasional bagi memerangi HIV/AIDS yang mencakupi tempoh masa 2006 hingga 2010 di mana ia menyasarkan hanya 11 kes baru per 100,000 penduduk.